



قلست بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 5

RABU 2HB FEBRUARI, 1983.

رابو 18 ربيع الاخير 1403

PERCUMA

Menlu Singapura melawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Hal-Ehwal Luar Singapura, Yang Berhormat Incik S. Dhanabalan berada di sini untuk lawatan rasmi selama tiga hari.

Y. B. Incik Dhanabalan yang tiba pada hari Isnin di iringi oleh Incik Tan Seng Chye, Timbalan Pengarah Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri dan Incik A. Selvarajah, Penolong Pengarah Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri.

Mengalu-alukan ketibaan rombongan Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Luar Singapura itu ialah Y. B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Pemangku Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan Pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik.

Di sebelah petang hari tersebut Y. B. Incik Dhanabalan dan rombongan berkunjung ke Istana Darul Hana untuk mengadap ke hadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



MENTERI Hal-Ehwal Luar Singapura, Y.B. Incik S. Dhanabalan dan rombongan ketika mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Ucapan terima kasih

KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dengan sukacita menyabdakan ucapan terima kasih terhadap persembahan perutusan tahniah di atas kelahiran seorang lagi cucunda kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Nafee', iaitu anakanda kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris.

Berangkat di Istiadat Mengadap itu ialah Kebawah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Dari Istana Darul Hana, Y. B. Menteri Hal-Ehwal Luar Singapura dan rombongan berkunjung ke Hijau Baiduri untuk menga-

Lihat muka 20

Dalam 709 panggilan kecemasan:

LEBIH \$7j HARTA BENDA MUSNAH

Oleh: MOHAMAD SALIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejumlah \$7,956,915.50 harta benda telah musnah dalam beberapa kejadian kebakaran di seluruh negeri sepanjang tahun 1982 yang lalu.

Panggilan-panggilan kecemasan yang dilaporkan dalam tahun berkenaan berjumlah 709 kejadian termasuk kebakaran ke atas rumah, bangunan pangsa, bengkel, kereta, hutan/rumput, panggilan tugas-tugas khas, perkhidmatan khas, letrik dan lain-lain.

Pegawai Turus Pasukan Bomba, Awang Zaidi bin Haji Mohd. Daud dalam siaran akhbarnya memberitahu Pelita Brunei minggu ini berkata, laporan panggilan yang diterima bertambah sebanyak 20

peratus berbanding dari tahun 1981 (597 panggilan), manakala kerugian bertambah \$3,389,227.50 dan kematian cuma seorang terlibat berbanding tiga orang tahun 1981.

Katanya, antara kejadian yang dilaporkan bertambah sepanjang tahun lalu, termasuk kebakaran hutan/rumput sebanyak 278 kejadian, kebakaran rumah, bangunan pangsa dan bengkel sebanyak 87 kejadian, kebakaran kereta dan kemalangan 69 kejadian dan letrik 37 kejadian, manakala panggilan tugas-tugas khas dan perkhidmatan khas berkurangan masing-masing 60 kejadian dan 53 kejadian dan lain-lain dilaporkan sebanyak 34 kejadian.

Dari kejadian-kejadian

kebakaran yang bertamabah itu, Awang Zaidi mengingatkan orang ramai di negeri ini supaya sentiasa berhati-hati dan jangan lalai apabila melakukan kerja-kerja mem bakar seperti hutan/rumput, semak-samun serta sampah jangan dibiarkan begitu saja, tetapi pastikan kerja-kerja tersebut tidak akan merebak dan membahayakan lebih-lebih lagi apabila hendak meninggalkannya.

Mengenai sambungan-sambungan bekalan letrik secara haram seperti yang ditegah oleh Jabatan Perkhidmatan Letrik baru-baru ini, beliau menambah orang ramai perlulah mematuhi dan jangan bertindak sesuka hati, kerana dikhuatiri perbuatan de-

mikian boleh membahayakan diri sendiri dan orang ramai, lebih-lebih lagi berlakunya kejadian kebakaran.

Kepada suri-suri rumah, Awang Zaidi juga mengingatkan supaya jangan lalai apabila menggunakan

Lihat muka 20

Manisnya Iman

"SESUNGGUHNYA rezeki itu pasti akan menuntut seseorang hamba Allah sebagai mana jua ajalnya menuntutnya." — Hadis Nabi riwayat Al-Baihaqi, Abu As-Syeikh dan Al-'Askari daripada Abu Darda'.

Lembu untuk dijual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian ketika ini sedang menawarkan lembu-lembu biakan kepada para penternak lembu tempatan yang berminat untuk meningkatkan mutu binatang-binatang mereka. Lembu-lembu biakan itu berumur antara 12 dan 15 bulan dari jenis Droughtmaster dan kacukan.

Jabatan itu mengumumkan bahawa harga sepai timbang hidup bagi lembu betina semua jenis ialah \$1.80, harga bagi lembu jantan kacukan pula ialah \$1.80 sepai timbang hidup, sementara lem-

bu jantan Droughtmaster ber harga \$2.00 sepai timbang hidup.

Jabatan berkenaan juga menawarkan sebilangan terhad lembu-lembu untuk disembelih dengan harga \$1.72 sepai timbang hidup.

Penternak-penternak yang berminat untuk mendapatkan lembu-lembu tersebut bolehlah berhubung langsung dengan Pegawai Pertanian Bahagian Ternakan di Stesyen Ternakan Luahan/Jerudong atau melalui Pegawai Pengawas Pertanian di Jabatan Pertanian di daerah masing-masing. — AP.



2HB. FEBRUARI, 1983

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

PEMBINAAN DI IBU NEGERI:

MEMENUHI KEPERLUAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH

Pembinaan bangunan-bangunan baharu dan pengubahsuaian Jalan-jalan raya disekitar ibu negeri sedang dalam kepesatannya. Ada bangunan yang sudah siap dan telah mula diduduki seperti setengah-setengah bangunan pejabat Kerajaan di bekas tapak lapangan terbang lama

Berakas.

Pada keseluruhannya rancangan-rancangan pembinaan termasuklah membesarkan dan mengubahsuaikan bangunan-bangunan serta jalan raya di dalam dan di sekitar ibu negeri bukan sahaja untuk memenuhi keperluan yang semakin bertambah bahkan juga untuk tujuan-tujuan kelesaan serta keindahan. Dalam makna yang akhir itu perancangan yang dibuat adalah meliputi aspek-aspek yang mengambil-kira bahawa keadaan dan suasana di dalam dan di sekitar ibu negeri akan bertambah selesa dan indah. Adapun apa yang disebut bahawa pembinaan yang pesat berjalan sekarang ini dikatakan sebagai sebahagian persiapan menyambut kemerdekaan cumalah sebagai suatu kebetulan sebab perancangan pembinaan dan pengubahsuaian itu adalah suatu proses yang berterusan. Kaitannya dengan kemerdekaan cumalah dari segi tempo atau rentak kederasannya.

Dalam keadaan pembinaan sedang berjalan kita mudah sahaja merasakan terganggu. Di sana sini di mana-mana kawasan yang terlibat itu kesesakan jalan raya terutamanya menjadikan setengah-setengah orang tidak sabar dan lupa akan hakikat bahawa keadaan sedemikian itu

adalah perkara biasa yang kita sepatutnya belajar menyesuaikan diri dengannya. Keadaan sesak di jalan-jalan raya pada masa ini, umpamanya, adalah berikutan daripada pelaksanaan rancangan mengubahsuaian dan membesarkan jalan raya itu sendiri untuk mengelakkan kesesakan pada masa akan datang. Dari segi apa yang dirancangan itu kita dapat menjangkakan keadaan yang selesa; lain halnya jika perancangan dibuat seada-adanya di mana akibatnya pastilah sebaliknya.

Satu perkara yang mesti diingat ialah perkembangan pesat negeri kita dalam semua bidang bukan sahaja terpaksa dibayar dengan wang ringgit bahkan juga dengan kita terpaksa menyesuaikan diri dalam arus kepesatan itu. Dalam proses penyesuaian diri itu sebanyak sedikit tentulah menjejaskan kelesaan yang biasa di mana setengah-setengahnya menyebabkan orang kehilangan sifat-sifat sabar, lurus dan baik sangka. Dalam proses itu kesan dan risiko keadaan yang berbangkit dipercayai akan lebih buruk sekiranya kita mengambil sikap yang negatif terutama sekali sengkaja tidak mengambil tahu perkembangan sekitar dan tidak bersedia untuk memahami sebab-musabab serta tidak mengambil-kira akan sebarang mudarat atau manfaatnya. Yang

sedemikian itu adalah 'taksir' atau cum sebagaimana yang diistilahkan menurut ajaran agama kita.

Oleh yang demikian dalam peringkat sekarang di mana pelaksanaan rancangan membina bangunan-bangunan baru dan mengubahsuaikan jalan-jalan raya di sekitar ibu negeri sedang dalam kepesatannya maka ada beberapa perkara patut diperhatikan. Pertama, tujuan rancangan itu sendiri sebagai memenuhi keperluan-keperluan yang bertambah di samping untuk mengelakkan atau mengindahkan keadaan dan suasana di dalam dan di sekitar ibu negeri serta menambahkan kelesaan. Kedua, kesediaan kita untuk menghadapi kesan dan risiko perubahannya yang berlaku sama ada yang bersifat sementara atau akan berterusan. Ketiga, dalam hubungan kesediaan itu kita hendaklah mengambil sikap yang sederhana tetapi teguh pada memastikan bahawa kita tidak akan kehilangan sifat-sifat yang mulia. Ketiga, ketiga perkara ini selain akan diperhatikan oleh semua peringkat tetapi di peringkat yang berwajib patutlah ianya diketarakan dengan maksud meyakinkan orang ramai akan kebijaksanaan di samping kesungguhan Kerajaan merancang dan melaksanakan rancangannya.

ALHAMDULILLAH Asegala pujian bagi Allah yang menjanjikan tambahan petunjuk kepada belia-belia yang beriman, selawat serta salam keatas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang menghargai belia yang menjaga kehormatan diri.

Terlebih dahulu saya dengan penuh kerendahan hati sukacita untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya hadir di Hari Belia Muhibbah daerah Tutong ini dan memberikan saya penghormatan untuk merasmikan pembukaannya.

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

Izinkanlah saya bercakap di Majlis yang berbahagia ini selaku Pengerusi Tetap Tertinggi Majlis Belia-belia Negeri Brunei.

Majlis belia-belia telah pun menjangkau usia yang kedua puluh lima tahun. Sepanjang hayat yang telah dilaluinya, kita melihat jatuh bangun perjuangannya, kita melihat berbagai-bagai masalah dialaminya dan kita juga melihat beberapa usaha-usaha gigihnya dalam memperjuangkan nasib para belia di Negeri Brunei yang sama-sama kita cintai ini.

Berasaskan kepada pengalaman yang lalu dan berpandukan kepada harapan di masa hadapan maka pucuk pimpinan majlis belia-belia yang baru, pucuk pimpinan yang telah para belia mandatkan untuk memper-

NASIB BELIA AKAN TERUS DI PERJUANGKAN

BERIKUT ialah ucapan Pengarah Dowan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, selaku Pengerusi Tetap Tertinggi Majlis Belia-Belia Negeri Brunei ketika merasmikan Hari Muhibbah Belia di Pantai Seri Kenangan, Tutong pada 16hb. Januari yang lalu.

juangkan nasib mereka, pucuk pimpinan yang telah dipilih sepenuhnya dalam Kongres Agung MBB awal tahun 1983 ini akan terus meneruskan meningkatkan lagi usaha-usaha yang sedia ada pada melahirkan dan membimbing para belia yang berjiwa besar, para belia yang bersemangat waja lagi penuh berkesanggupan di zaman kita ini terutamanya belia-belia yang sentiasa siap sedia dengan fikiran yang matang dan cara bertindak yang sihat di samping senantiasa pula menyediakan diri dalam menyedakannya memberikan buah fikiran yang bernas lagi penuh membina dan bersedia pula untuk mencurahkan tenaga, menyumbangkan usaha serta menaburkan derma bakti secara positif tanpa mendahulukan kepentingan diri sendiri semata-mata untuk dapat memenuhi kehendak dan hasrat negeri Brunei Darussalam yang akan mencapai kemerdekaan penuh lagi tulen tidak berapa lama lagi.

Bertolak dari kenyataan ini, pucuk pimpinan MBB

insya-Allah akan berusaha tanpa kendur-kendurnya bersama kerabat-kerabatnya di kesemua daerah di negeri ini untuk terus menyedarkan belia-belia mempergunakan masa dengan sebaik-baiknya dalam usaha besar masyarakat bangsa kita yang menginginkan kejayaan berterusan, kemakmuran berpanjangan, kebahagiaan serta keharmonian meluas yang diidam-idamkan.

Para hadirin yang saya muliakan.

MEMANDANG KE TIMUR

Kalau kita memandang ke Timur terutama ke Negara-negara Korea dan Jepun kita mendapati para belianya berlumba-lumba memasuki segala bidang pekerjaan tanpa mengira kolar puteh atau biru kerana kepada mereka kepentingan bangsa dan negara adalah yang lebih utama daripada kepentingan diri sendiri. Jika keadaan ini dapat dijadikan contoh, belia-belia di negara kita juga saya yakin akan tampil ke hadapan untuk sama-sama mengisi apa-apa jua kekosongan jawatan di

sektor-sektor swasta yang pada ketika ini terpaksa dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing. Demi kepentingan pembangunan negara dan untuk menyahut seruan kerajaan Duli Yang Maha Mulia saya meminta kepada semua pemimpin-pemimpin belia untuk dapat menggerakkan pertumbuhan masing-masing bagi menyedarkan ahli-ahlinya tentang perlunya perubahan sikap positif belia-belia untuk tidak terlalu memilih kerja atau terlalu sangat bergantung kepada pekerjaan dalam sektor kerajaan sahaja. Ke arah menimbulkan kesedaran dan perubahan sikap ini majlis belia-belia akan berusaha sepenuhnya mencari jalan tengah yang sesuai lagi penuh berkesan bersama-sama dengan semua pertubuhan belia di negeri ini semata-mata untuk terus memperjuangkan nasib masa depan para belia anak watan yang sangat-sangat kita kasihi itu. Mudah-mudahan beberapa saranan konstruktif akan dapat segera kita ukayahkan bersama.

Negara kita yang sedang pesat membangun memerlukan derma bakti golongan teknokrat dari anak-anak bangsa kita sendiri, kerana itu pada pandangan saya, golongan belia yang memasuki sekolah-sekolah teknikal di negeri ini adalah merupakan para belia unggul di bidang pembangunan infrastruktur sosio-ekonomi negara. Kehadiran para belia di sekolah-sekolah teknikal di negara kita ini menunjukkan suatu pertanda perkembangan mental yang sihat di kalangan mereka kerana mereka percaya sumbangan penuh mereka di bidang pembangunan selaku golongan teknokrat akan dapat menentukan perkembangan selanjutnya negara kita di bidang ekonomi dan perusahaan, kepada golongan belia-belia ini saya ucapkan syabas dan tahniah serta berharap lebih ramai lagi para belia di negara kita ini mengikut jejak langkah bijaksana rakan-rakan mereka untuk memasuki sekolah-sekolah teknikal nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

BIDANG EKONOMI

Saya telah diberi maklum bahawa pertubuhan-pertubuhan belia di daerah ini telah berjaya di bidang

ekonomi, kejayaan ini saya yakin adalah hasil dari titik-puluh, kerja kuat para belia di daerah Tutong. Kejayaan ini merupakan juga kejayaan kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang ingin melihat bumiputera di negara ini berlumba-lumba menceburkan diri dalam bidang perniagaan supaya masa hadapan kita terjamin dan dengan pemikiran bahawa kekayaan negara akan dianugerahkan oleh Allah s.w.t. itu dapat pula menikmati bersama hingga anak cucu kita. Mudah-mudahan melalui pertubuhan-pertubuhan belia di daerah ini akan dapat dilahirkan belia-belia yang berdisiplin, dinamik dan bertanggungjawab sebagai ejen perkembangan dan pendokong hasrat negara yang efektif dan senantiasa sedia berkorban sepanjang masa. Saya percaya kegiatan-kegiatan belia pada hari ini akan menjadi titik-tolak usaha-usaha penting selanjutnya para belia di daerah Tutong untuk dapat melahirkan golongan belia yang bergiat di bidang ekonomi lagi penuh berprestij tinggi. Ke arah perkembangan perkara berkeadilan ini, pucuk pimpinan belia akan sentiasa berpegang teguh di belakang tuan-tuan dan puan-puan sekalian, insya-Allah

Pmk. M.B. RASMI EXPO PERUSAHAAN MINYAK

MUARA. — Orang ramai dan pengusaha-pengusaha tempatan telah berpeluang menyaksikan satu pertunjukan mengenai beberapa jenis alat cari gali minyak terbaru dalam satu expo terapung yang diadakan di Pelabuhan Muara di sini minggu lalu.

Expo OFFSHORE/-ASIA '83 itu adalah diadunikan oleh "World Wide Expo" Copenhagen dalam sebuah kapal yang bernama TOR SCAN-DINAVIA yang disewa khas dari salah sebuah syarikat perkapalkan di Denmark.

Penghormatan telah diberikan kepada YAB Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz untuk merasmikan expo tersebut.

Brunei adalah merupakan negara yang ketujuh dalam rangka lawatan pehak penganjur bagi mengadakan pertunjukan yang ditumpukan kepada negara-negara pengeluar minyak di Asia Tenggara.

Norway, Jepun, United Kingdom dan Germany telah mengambil bahagian dalam pertunjukan tersebut.

Kebanyakan peralatan yang dipamerkan lebih memberikan perhatian kepada usaha cari gali minyak di dasar laut itu juga meliputi daya penghasilan dan kemudahan-kemudahan perhubungan yang diperlukan.

Kapal seberat 15,500 ton yang menyediakan ruang seluas kira-kira 3000m bagi menempatkan bahan-bahan pameran itu telah selesai mengadakan pertunjukan serupa di Balikpapan sebelum tiba di negeri ini.

Terdapat 187 buah syarikat cari gali minyak dari 10 buah negara besar di dunia yang antaranya Amerika, Sharikat, Netherlands, France, Denmark, Sweden, Finland,

Hadiri Kongress di N.Z

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pemangku Kurator Ilmu Kejaduan, dari Jabatan Muzium Brunei Awg. Mohd. Jaya bin Haji Sahat telah berlepas ke Singapura dalam perjalanannya menuju Dunedin, New Zealand bagi menghadiri Kongres Sains Pasifik yang ke 15 pada hari Jumaat 28hb. Januari lalu.

Kongres tersebut adalah anjuran Pertubuhan Sains Pasifik yang juga merupakan sebuah pertubuhan akademik yang akan membincangkan beberapa perkara yang terkandung di dalam empat simposium umum dan empat belas bahagian tertentu termasuk pemeliharaan, pemuliharaan persekitaran alam, penyelidikan Muzium-Muzium di Pasifik, Ilmu Alam, Pertanian, Botani, kehutanan, serangga dan berbagai-bagai lagi.

Tujuan pertubuhan ini mengadakan kongres tersebut an-

tara lain ialah untuk menyatukan pendapat dan penyelidikan-penyelidikan di semua aspek pengkajian di negara-negara dalam lingkungan Pasifik melalui persidangan-persidangan seperti yang dianjurkan.

Selain bersidang para peserta yang menghadiri kongres juga dibawa melawat selama empat hari di beberapa tempat yang menarik di New Zealand yang berkaitan dengan persidangan.

Ini merupakan kali kedua Brunei menghantar perwakilan-nya ke kongres tersebut, yang mana buat pertama kalinya Brunei telah diwakili oleh Awg. Lim Jock Seng, Pengarah Muzium-Muzium dan Awg. Rosli bin Omar dari Jabatan Pertanian, dalam tahun 1971, di Canberra, Australia.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 2hb. hingga 8hb. Feb. 1983

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	2.2.1983	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	2.2.1983	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	2.2.1983	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu A. Haji Mohd. Yussof, Katimahar	5.2.1983	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	5.2.1983	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Mulaut	5.2.1983	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	5.2.1983	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	5.2.1983	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	5.2.1983	Sabtu	4.00- 5.00 "
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara	7.2.1983	Isnin	1.45- 2.45 "
Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching	7.2.1983	Isnin	3.00- 4.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	8.2.1983	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	8.2.1983	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Agama Haji Mohd Jaafar, Kampung Kiulap	8.2.1983	Selasa	2.45- 3.15 petang
Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Gadong, Kampung Beribi	8.2.1983	Selasa	3.35- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkabung	8.2.1983	Selasa	4.30- 5.30 "

Penuntut2 MPUSB tinjau Bahagian Penerangan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Seramai 53 orang penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Brunei, Jalan Tutong telah melakukan dua lawatan sambil belajar ke Pejabat Penerangan, Setia Usaha Kerajaan.

Rombongan pertama yang terdiri dari 29 orang telah mengadakan lawatan pada hari Khamis, 27hb. Jan, 1983. Manakala rombongan kedua seramai 24 orang lagi telah membuat lawatan yang sama pada hari Sabtu, 29hb. Jan, 1983. Kedua-dua rombongan telah diketuai oleh seorang pensyarah Ustaz Hj. Abdul Ghafar bin Hj. Khalid.

Dalam lawatan tersebut, para pelawat telah berkesempatan mendengar penerangan mengenai struktur pentadbiran dan tugas-tugas dalam setiap unit penerangan yang telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Bahagian Taklimat Awg. Yusoff bin Ladi.

Para pelawat seterusnya dibawa melawat ke Yunit Akhbar, Yunit Penerbitan, Yunit Pengedaran dan Hubungan Luar Negeri,

Yunit Taklimat dan beberapa bahagian yang ada.

Sebelum menamatkan lawatan para penuntut telah disajikan dengan jamuan ringan dan berkesempatan beramah mesra dengan Pengarah Penerangan, Awg. Hj. Badaruddin Pgh. Hj. Othman dan beberapa pegawai kanan pejabat berkenaan.

Panduan telek

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pengarah Talikom, memaklumkan kepada pelanggan-pelanggan teleks bahawa jabatannya telah mengeluarkan Panduan Teleks Negeri Brunei keluaran bulan Januari tahun ini.

Panduan Teleks itu telah mula dikeluarkan semalam, dan pelanggan-pelanggan di Daerah Brunei/Muara boleh mendapatkannya di Bahagian Perdagangan Bangunan Lama, Pejabat Talikom di ibu negeri, sementara pelanggan-pelanggan di Daerah Belait bolehlah menghubungi Pejabat Talikom di Kuala Belait. — AP.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Setia Awang Haji Abdul Aziz memotong pita bagi menandakan rasminya expo tersebut. Kelihatan memerhati ialah Rudolph Bier Pengarah Urusan Expo.

Rekrut2 dikehendaki

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pasokan Polis Diraja Brunei mempelawa bumi putera (lelaki) negeri ini untuk berkhidmat sebagai Constable (mata2)

Pemohon-pemohon yang berjaya akan menjalani latihan di Pusat Latehan Polis, Jalan Muara selama enam bulan.

Syarat-syarat yang dikehendaki bagi pemohon-pemohon adalah seperti berikut:—

- Pemohon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan.
- Tinggi tidak kurang 5' 2".
- Umur di antara 18 tahun dan tidak lebih daripada 28 tahun. Bujang atau pun kahwin serta mempunyai badan yang sehat.
- Kelulusan mestilah lulus darjah VI Melayu atau pun

Inggeris tetapi keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang berkelulusan lebih tinggi.

Semasa dalam latihan pelatih-pelatih akan menerima gaji dan elaun sebanyak \$475/= dan setelah tamat menjalani latihan mereka akan menerima gaji dan elaun sebanyak \$580/=. Setelah menyambung perkhidmatan tiga tahun mereka akan dihidiahkan dua bulan gaji bagi penggal Pertama.

Belia-belai yang ingin berkhidmat bolehlah datang ke Balai-Balai Polis yang berdekatan untuk mendapatkan serta mengisi borang-borang permohonan atau datang ke Pusat Latehan Polis Diraja, batu 6 Jalan Muara bagi tujuan yang sama.



Pelawat-pelawat dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan ketika diberi penerangan mengenai dengan pembahagian akhbar-akhbar.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

PENDIDIKAN DALAM ISLAM

ADAB GURU

SIRI KE 169

SAYUGIALAH bagi guru itu; Menggirkan penuntut bekerja dengan pelajarannya pada tiap-tiap waktu, dan ia minta atau memberi peluang pada sesuatu ketika penuntut itu mendengarkan sebarang apa masalah-masalah yang hendak dikemukakannya di samping menanyakan masalah-masalah yang mustahak yang telah diajarkannya. Mana-mana penuntut yang hafaz dan baik dalam pelajarannya seharusnya ia memuji, kecuali jika ia takut penuntut itu menjadi 'ujub. Dan jika ia dapati ada penuntut yang cuai, hendaklah dite-

gur kecuali jika teguran itu menjadikan dia liar. Hendaklah diulang semula masalah itu sehingga ia betul-betul faham akan masalah itu. Ia akan menerima faedah daripada penuntut di dalam sesuatu perbincangan walaupun faedah itu kecil, dan jangan ia hasadkan (dengkikan) seseorang penuntut itu kerana banyak pengetahuannya dalam sesuatu masalah itu, kerana hasad itu haram hukumnya, dan hasad kepada penuntut adalah lebih haram, kerana penuntut sebagai anaknya, dan kelebihan penuntutnya itu adalah balik kepadanya, kerana dia pendidik dan dia akan mendapat pahala banyak di akhirat dan doa dan puji-pujian yang berlanjutan di dunia.

Apabila ia menerangkan sesuatu pelajaran hendaklah ia mencari jalan yang mudah supaya penuntut-penuntut itu faham, dan ia sebutkan satu persatu de-

ngan terang dan jelas, dan dia ulang-ulang apa yang jadi muskil samada pada maknanya atau lafaznya, kecuali jika ia telah yakin penuntut-penuntut yang hadir telah faham dengan tiada payah diulang-ulang, dan jika keterangan tiada jelas melainkan disebutkan lafaz yang tiada sopan disebutkan pada adat, maka ia sebutkan lafaz itu.

Jangan ia malu menyebutkan lafaz itu semata-mata untuk menjaga adab, kerana menyebutkan lafaz yang tiada sopan disebutkan itu lebih mustahak dari menjaga adab, hanya sunat disebutkan lafaz-lafaz itu dengan cara sindiran dalam masalah-masalah seumpama itu setelah diketahui maksudnya dengan terang dan jelas. Dari sini dapatlah diambil pengertian bahawa, ditanggungkan hadis-hadis yang menegaskan lafaz-lafaz yang tiada sopan pada adab supaya



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, D.K., PSSUB., DSLJ., SMB., PHBS., PIS. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

diterangkan sejelasa-jelasnya tanpa menggunakan sindiran pada satu tempat yang difikirkan perlu dan ditanggungkan hadis-hadis lain yang memaknai sindiran pada satu tempat yang lain.

WALLAHU A'ALAM
(bersambung).

SYARIAT ISLAM MUDAH DIPELAJARI

TUTONG. — Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Salleh bin Haji Mohidin menyatakan bahawa syariat Islam itu adalah mudah untuk dipelajari dan diamalkan kerana ia mencakupi segala keperluan kehidupan keduniaan dan keakhiratan.

Katanya, syariat Islam adalah senang untuk dilakukan dan dikerjakan dan tiada ada yang menyulitkannya bagi setiap orang-orang Islam untuk memahami dan mengikutinya.

Beliau berucap demikian di majlis sambutan maulud Nabi yang telah

diadakan di Dewan Sekolah Melayu Kiudang pada 23hb. Januari yang lepas.

Selanjutnya Awang Salleh berkata bahawa pada hematnya masih banyak masyarakat di sini yang bukan beragama Islam dan ada sebilangan kecil yang beragama Islam yang beranggapan atau berpendapat bahawa agama Islam itu susah untuk difahami dan diikuti.

Majlis pada malam diselenggarakan bagi meriahkan saudara-saudara seramai 18 orang yang telah memeluk agama Islam di sepanjang tahun lepas. Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh pengerusi majlis sambutan maulud pada malam itu Awang Osman bin Uking.

Syarahan khas juga telah disampaikan oleh Ustaz Abd. Mokti bin Mohd. Daud, Pmk. Pegawai Perkembangan Agama di Jabatan Ehsan Agama Brunei, yang menyerahkan majlis marhaban telah disampaikan oleh penduduk di situ.

Hadir pada malam ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pahlawan Indera Awang Jili bin Ibrahim, Kadet Tutong, Ustaz Pehin bin Haji Pehin Penghulu Mukim Lurah, Ketua Kampung Lurah dan juga penduduk kampung terseluok. — MHM.

Lulus 100 peratus Sijil Pelajaran Agama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 19 orang calon telah lulus Sijil Pelajaran Agama Brunei yang telah diadakan pada tahun lepas.

Sekolah Menengah Agama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit mencapai 100 peratus lulus. Kesemua 11 orang calon yang menduduki peperiksaan tersebut telah lulus. Dua orang mendapat Pangkat 1, seorang mendapat Pangkat 2 dan lapan mendapat Pangkat 3.

Dari lapan orang calon yang dikemukakan oleh Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah, enam orang telah lulus. Dua orang calon mendapat Pangkat 1 dan empat orang mendapat Pangkat 3. Peratus kelulusan ialah bersamaan dengan 75 peratus.

Berikut ialah penuntut-penuntut dari Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah yang telah lulus SPU. Abd. Kahar bin Haji Husin 3, Daud bin Johari 1, Mohd. Serudin bin Hj. Timbang 3, Mohd. Helmi bin Mohd. Noor 3, Sayudai bin Hitam 1, Zamain bin Sia 3.

Penuntut-penuntut dari Sekolah Menengah Agama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit ialah: Ajjiah bte Sudin 1, Bahjah bte Haji Ismail 1, Barzah bte Haji Awang Ibrahim 2, Dahliah bte Sabtu 3, Dayang Zainab bte Awang Tuah 3, Hanita bte Abu Bakar 3, Noraini bte Hamid 3, Normah bte Mohd. Daud 3, Rogayah bte Mudim Haji Wahid 3, Siti Kamaliati bte Haji Abd Latif 3, dan Siti Salbiah bte Hj. Jumat 3.

Sambutan maulud

Sambutan majlis maulud bagi Daerah Brunei II telah berakhir dengan satu majlis penutup yang diadakan di Masjid Setia Ali Pekan Muara pada malam hari Rabu lepas. Tetamu kehormat di majlis itu ialah Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz.

Majlis malam itu telah diisikan dengan persembahan zikir marhaban oleh penduduk-penduduk Mukim Mentiri dan Serasa. Ahli-ahli jawatankuasa sambutan maulud Nabi s.a.w. bagi Pekan Muara juga hadir sama. Di akhir majlis doa selamat telah dibacakan oleh Imam Masjid Setia Ali Pekan Muara Awang Haji Abd. Aziz bin Mahmud.

Seorang lagi tetamu luar negeri yang membuat kunjungan singkat ke negeri ini minggu lepas telah sempat melawat untuk menyaksikan keindahan Masjid Omar Ali Saifuddin di tengah-tengah ibu kota.

Tetamu tersebut ialah Yang Berhormat Naib Marshall Udara, Aminul Islam, Menteri Hal Ehwal Buruh Bangladesh. Beliau diiringi oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh di Malaysia Tuan Mustaffa Zarulrahman.

Ketibaan pelawat itu di-

alu-alukan oleh Timbalan Kadi Besar Awang Haji Abd. Aziz bin Juned dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Agama. Tetamu kehormat itu telah juga berkesempatan menunaikan sembahyang fardhu Zuhur di masjid tersebut.

Dalam gambar atas kelihatan Tuan Aminul Islam sedang menandatangani buku lawatan di Masjid Omar Ali Saifuddin dengan disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan JHEU. Gambar oleh Awang Haji Mohammad Metassan.

MAKLUMAN

DIMAKLUMKAN kepada sesiapa yang memiliki Takwim Mingguan (meja) 1403/1983 terbitan Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei muka surat bulan Mei 1983 dari 13hb. hingga 19hb. terdapat sedikit kesilapan pada para-

pertama di bawah tajuk 'Pimpinan Ilahi'. Maka para tersebut hendaklah dibaca seperti berikut: "Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah, dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan....."

Pekerjaan yang baik lahir dan didorong oleh niat yang baik.

APAKAH NIAT YANG BAIK ITU?

Marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan segala apa yang diperintahkan-Nya dan menjauhi segala apa yang dilarang-Nya.


Sebagai ugiama untuk dunia dan akhirat, ugiama Islam telah memandu kita bagaimana cara-cara bekerja atau beramal yang sebaik-baiknya. Bukan sahaja baik dari sudut-sudut kemanusiaan, bahkan ia lebih penting baik dari segi pandangan Allah.

Mengikut konsep Al-Quran, kita ini diberi kedudukan sebagai Khalifah Allah di bumi bagi memikul tanggungjawab-tanggungjawab beramal dan bekerja. Tetapi tanggungjawab itu tidak diberi kita melakukannya dengan sewenang-wenang dan sesuka hati kita sahaja, tetapi hendaklah mengikut arahan dan mandat daripada Allah. Allah Taala mahu setiap pekerjaan yang kita lakukan itu mestilah disandarkan kepada-Nya jua. Jangan keluar dari garis ini. Jika keluar bermakna kita akan binasa, seperti keretapi terkeluar dari landasannya atau motorkar terbabas keluar jalan, semua itu punca kebinasaan dan kerugian.

Kita hidup adalah ibarat orang dalam perjalanan menuju kepada sesuatu matlamat. Jadi matlamat kita ini cukup jelas, iaitu akhirat. Untuk sampai ke akhirat dengan selamat dan sejahtera memerlukan perjalanan yang dipelihara dengan hati-hati dan sempurna. Kenderaan mahu baik, jenteranya tidak rosak dan bekalan minyaknya pun cukup. Semua ini mestilah diperhatikan dengan cermat, jangan ada walau satu perkara pun yang boleh mengganggu sistem perkhidmatan atau perjalanan. Kalau ada lekas-lekas kita betulkan dan atasi. Kalau tidak perjalanan boleh kandas dan kita kecewa.

BERGANTUNG KEPADA NIAT

Segala alat dan sistem perkhidmatan di dalam sebuah kenderaan itulah, dapat diumpamakan sebagai niat. Dan niat itu tempatnya di hati. Niatlah yang membawa kita ke



mana kita suka. Segala pekerjaan kita akan diukur dari niat. Ini dinilai dan diberi markah menurut niat, sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w. maksudnya, "Tiap-tiap amalan itu adalah bergantung kepada niat, dan setiap orang itu mendapat apa yang di-niatkannya."

Kerana itu, ugiama Islam mewajibkan setiap orang Islam hendaklah faham perkara ini, supaya mudah beroleh untung dan laba daripada pekerjaannya. Pekerjaan yang mendatangkan hasil yang baik, ialah pekerjaan yang lahir dan didorong oleh niat yang baik pula. Tetapi apakah niat yang baik itu?

Adapun sukat-sukat baik, yakni yang menentukan niat itu baik di sini: Mestilah ia disandarkan atau diiktikadkan kepada Allah semata-mata. Apa jua jenis pekerjaan baik yang kita lakukan mestilah diniatkan kerana, dihubungkan kepada Allah. Menghubungkan setiap pekerjaan kepada Allah bermakna menuntut redanya, menuntut berkat dan kelebihan. Ganjarannya bukan sahaja kita terima di dunia bahkan juga di akhirat.

PERBEZAAN

Inilah perbezaan dengan orang-orang kafir, dengan orang-orang bukan Islam. Mereka hanya menuntut di dunia semata-mata. Kalau mereka mencari makan hanya kerana mahu makan. Kalau mereka mencari kekayaan hanya semata-mata kerana mahu kaya, kalau mereka mencari kemewahan hanya semata-mata kerana mahu mewah. Bersalahan dengan orang Islam.

Tidak sayugia bersikap demikian. Amal pekerjaan mestilah dihubungkan dengan kepentingan di akhirat. Sebagai misal, kewajiban mencari makan kita tunaikan adalah untuk melunaskan tanggungjawab kita menyara orang-orang yang wajib kita sara, sebab ugiama menyuruh yang demikian itu. Demikian juga kita makan bukanlah semata-mata untuk kenyang dan mengemaskan badan, tetapi wajib disangkutkan dengan akhirat, untuk mendapatkan kesihatan dan tenaga supaya dapat beribadat kepada Allah. Ini namanya bertanam di dunia dan mendapat hasil di dua tempat. Di dunia dan akhirat, dan bahkan hasil yang akan diterima di akhirat itu lebih baik dan berganda-ganda pula.

Firman Allah Taala Surah As-Syura Ayat 20, "Barangsiapa yang ingin-kan keuntungan di akhirat akan Kami (Allah) tambah keuntungan itu berganda-ganda, dan sebaliknya barangsiapa yang ingin-kan keuntungan di dunia akan Kami berikan kepadanya sebahagian sahaja, dan tidaklah ada baginya sesuatu apa pun di akhirat kelak."

Di dalam Surah Al-Israk pula ayat 18, tafsirannya lebih kurang begini: "Barangsiapa yang menghendaki kehidupan di dunia (sekarang ini), maka Kami segerakan baginya apa yang ia mahu itu sekadar yang Kami kehendaki. Dan Kami sediakan baginya neraka jahanam, di mana ia akan memasukinya dalam keadaan yang terchela."

Demikianlah wahai kaum Muslimin, hendaklah kita selalu insaf dan berjalani di atas lunas-lunas mencari keredaan Allah di dalam semua pekerjaan kita. Setiap pekerjaan mahulah disandarkan kepada Allah, untuk mendapat ganjarannya yang baik di dunia dan di akhirat. Orang-orang yang bekerja dengan meng-

ingat Allah, itulah dia petugas-petugas yang baik yang dapat diharap sumbangannya membawa berkat dan kebahagiaan, bukan sahaja kepada dirinya sendiri, bahkan juga kepada orang lain dan negara. Kerana orang-orang yang bekerja sambil hatinya kuat mengingat Allah itu ialah orang-orang yang sentiasa akan ditolong oleh Allah, orang-orang baik yang sentiasa terkawal dan terpelihara jiwanya dari berbuat khianat dan curang. Kerana itu, di dunia ia bernasib baik, dan apatah lagi di akhirat,

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2hb Februari, 1983 hingga ke hari Selasa 8hb Februari, 1983 adalah seperti di bawah ini :-

Hari Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Subuh Terbit
2hb Feb	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21
3hb Feb	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21
4hb Feb	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21
5hb Feb	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21
6hb Feb	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21
7hb Feb	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21
8hb Feb	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei dimulainya dari pukul 12.45 tengahari.

Mungkir janji dibenci Allah

Susunan: Azadah Haji Awg Besar

Bingkisan minggu ini

Menepati janji artinya menyempurnakan segala yang telah kita janjikan, samada persetujuan atau permuafakatan itu dibuat antara dua orang atau lebih. Segala yang kita akui dengan hati yang reda dan muktamat adalah semestinya ditunaikan.

Allah ada berfirman dalam Surah Ash-Syaf ayat 2 dan 3 yang bermaksud:

"Wahai segala mereka yang beriman! Mengapakah kamu mengatakan apa yang tidak kamu kerjakan? Sangat besar benci Allah, kamu mengatakan (membicarakan) apa yang tidak kamu mengerjakannya."

Sesungguhnya menyempurnakan atau menyampaikan janji itu merupakan salah satu dari sendi hidup bermasyarakat dan sosial. Bahkan ugiama kita menggalakkan supaya sentiasa dan tetap berperangai tulus pada menyempurnakan janji. Dengan sifat demikian, akan dapat mengurangkan kekeruhan dalam pergaulan manusia malahan menimbulkan sikap percaya-mempercayai di antara satu sama lain dan jauh dari sifat suka tagih-menagih, tunggu-menunggu bahkan hilangnya sikap dan tingkahlaku pada mengingkari setiap hak yang sebenar. Bukan sahaja setakat itu, malahan dengan menepati janji secara tidak disedari bahawa kita dapat mengelakkan diri dari kecurangan dan menerima dosa akibat dari mungkir janji. Lebih jauh daripada itu, mungkir janji boleh

merosakkan keamanan dan membinasakan umat.

Pada dasarnya, menurut pandangan Islam bahawa orang yang bertanggungjawab penuh adalah mereka yang menepati janji, meskipun ia terpaksa menghadapi kesulitan-kesulitan dan bencana-bencana kerananya bahkan ia teguh pada memegang janji dan menunaikannya tepat pada masa dan waktunya serta apa yang telah dijanjikan.

Seorang yang suka mungkir janji boleh memesongkan dirinya pada berperangai berani berdusta. Lantaran itu, fikiranlah habis-habis sebelum membuat janji, kerana apabila berjanji dengan seseorang dengan persetujuan bersama, bermakna suatu ikrar yang mesti ditunaikan kalau diingkari berarti bukan sahaja boleh meretakkan perhubungan yang baik di antara yang berjanji bahkan yang engkar menunaikan janjinya akan menerima pembalasan Allah s.w.t. atas segala perbuatannya.

Maka, tunaikanlah janji dengan sebenar-benarnya dan jangan hanya tinggal aku-akuan dan ucapan lidah sahaja. Lebih wajar

lagi bila kita perkatakan bahawa dengan menepati janji banyak faedah-faedah yang boleh kita perolehi umpamanya: Bila seseorang itu menghendaki sesuatu pertolongan, segera orang menolongnya, hidupnya dipandang mulia dan orang sentiasa menghormati dan khasnya disegani oleh sekalian masyarakat bahkan pintu usahanya terbuka lebar dan jalan-jalan kebajikan terbentang luas baginya. Di sebaliknya pula, bagi yang mungkir janji akan dibenci tidak dihargai, bahkan akan mendapat kerugian dan keruntuhan hidup bermasyarakat.

Tegasnya ajaran ugiama kita tidak membenarkan umatnya memungkir janji walaupun urusan-urusan itu dipandang kecil yang tidak menghasilkan kemelaratan apabila memungkirnya demi untuk membiasakan dan melatih agar umat Islam sentiasa beringat-ingat apabila membuat perjanjian (tegasnya janji).

Adapun janji yang wajib benar-benar ditepati adalah paling utama janji kita kepada Allah s.w.t. dalam menyempurnakan segala perintah-Nya misalnya: Mengerjakan sembahyang lima waktu sehari semalam, berpuasa di dalam bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat, naik haji bagi orang yang kuasa pada bekalan dan belanja, dan sebagainya di samping meninggalkan segala larangan-Nya. Selain dari itu, menepati janji sesama hamba Allah iaitu janji kebaikan yang tidak berlawanan dengan perintah Allah. Manakala janji-janji dibuat untuk sesuatu hajat kerana ingin merosakkan, mengerjakan sesuatu maksiat, maka sekali pun dibuat atas nama perjanjian wajiblah dibatalkan dan janganlah sekali-kali dilakukan kerana perbuatan yang sedemikian itu berlawanan dengan ajaran Islam.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PEHAK Radio Talvisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 2HB FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GREAT SPACE COASTER
5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.30 321 CONTACT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 321 CONTACT — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JULIET BRAVO — "Fraudulently Uttered"
Doris, pembuat minuman teh di Hartley Police Station, dituduh mencuri wang. Jumlahnya memeranjatkan Inspektor Jean Darblay. Jika Doris tidak dapat keuntungan dari kecurian itu, siapa pula?
7.48 AZAN ISHA
7.53 JULIET BRAVO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 PRIVATE BENJAMIN: "Give Me Liberty" Bhg. 2
9.35 MAGNUM: "The Last Page"
Magnum, dengan tidak disedarinya telah diupah untuk satu tugas untuk tujuan lain. Tugas ini membahayakan pengupahnya dan Magnum sendiri.
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "The Navy Versus The Night Monsters"
Cerita yang membingungkan. Kejadian berlaku di Pulau Gow yang terpencil apabila penumpang-penumpang sebuah kapal terbang di dapati mati. Pelakon-pelakon: Mamie Van Doreen, Anthony Eisley, Pamela Mason dll.
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 3HB FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLINTSTONE FROLICS
6.30 WORLD OF SURVIVAL: "The Dam Builders"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 WORLD OF SURVIVAL — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PETROCELLI: "Deadly Journey"
Petrocelli membela seorang ibu yang di tuduh membunuh majikan anaknya. Seperti biasa Petrocelli menggunakan kepintarannya untuk melepaskan pe-



DEREK Jacobi berlagak sebagai Adolf Hitler dalam siri INSIDE THE THIRD REICH — Isnin, 9.05 malam.

- 7.48 langgannya dari tuduhan itu.
7.48 AZAN ISHA
7.53 PETROCELLI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 POLO — Low Goal
9.35 DUNIA MINGGU INI
10.05 ROAD TO WEMBLEY: Charlton lwn Ipswich
10.55 BOSOM BUDDIES: "The Grandfather"
11.25 BELLAMY
12.15 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 4HB FEBRUARI

TENGAHARI

- 12.00 LAGU KEBANGSAAN
12.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT (Siaran langsung)
1.30 APANYA KITANI

PETANG

- 2.15 HAPPY GO ROUND
3.00 HEATHCLIFF AND MARMA- DUKE (Siri brau)
3.30 WILD LIFE ON ONE: "Out Of The Cold"
4.00 AZAN ASAR
4.05 THESE ARE THE DAYS
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 MANAGEMENT
5.35 LAVERNE AND SHIRLEY: "Tokyo Ho, Ho"
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 SECRET VALLEY: "The Trojan Bull"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 SECRET VALLEY — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 EIGHT IS ENOUGH: "The Idolbreaker" Bhg 2.
7.48 AZAN ISHA
7.53 EIGHT IS ENOUGH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 POLO — Low Goal
9.05 SEKALONG SENI (Rancangan terakhir)
9.35 KNOTS LANDING: "China Dolls"
10.25 TERRY AND JUNE (Episod terakhir)
10.55 SNOOKER (Siri baru) England lwn Wales
11.25 STRIKE FORCE: "Shark"
12.15 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 5HB FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FANTASTIC FOUR
6.30 WORLD OF BIRDS: "Bird Abond Town"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 WORLD OF BIRDS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BARBERA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS
7.48 AZAN ISHA
7.53 BARGERA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 POLO — Low Goal
9.05 LIPUTAN NASIONAL
9.35 MARI MEMASAK: Rojak Ayam — Resepinya ada disiarkan di muka 2 akhbar ini.
10.05 TAYANGAN FILEM MELAYU: "Jejak Bertapak"
11.35 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Quentin Durward" (Drama)
Kisah negeri Perancis di bawah pemerintahan King Louis XI. Quentin Durward ialah seorang asing dari Scotland yang ikut serta dalam pergolakan pemerintahan negeri itu. Pelakon-pelakon: Robert Taylor, Kay Rendall, Robert Morley, George Cole, dll.
1.05 SIARAN TAMAT.



ADEGAN dari Tayangan Gambar Akhir Sabtu ini — "Quentin Durward." Di antam pelakon-pelakunya ialah Robert Taylor dan Kay Rendall.

HARI AHAD 6HB FEBRUARI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION "A Friend In Need"
2.45 THE ALL NEW POPEYE SHOW (Episod terakhir)
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
4.00 AZAN ASAR
4.05 BIG LEAGUE SOCCER — sambongan
4.15 PLASTIC MAN
4.25 KAP KAP UDANG
4.55 MEDICAL REPORT
5.10 ON SAFARI
5.40 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 FONZ AND THE HAPPY DAYS
GANG: "May The Force Be With You"
6.30 ANGIE: "Angie And Brad's Close Encounter"
Pasangan "gila bayang" (Love Crazy) berpindah rumah berdekatan dengan rumah keluarga Brad.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 ANGIE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE LOVE BOAT
7.48 AZAN ISHA
7.53 THE LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 POLO — Low Goal
9.05 APANYA KITANI
9.35 MIND YOUR LANGUAGE
10.05 TAIWAN DOCUMENTARY: "Panorama In Taipei"
10.35 RUSH: "The Great Eastern Bubble"
Captain Farrar berjanji untuk mendapatkan tanah hak pusaka seorang janda. Tetapi Melanie Parker tidak mau menjualnya.
11.25 DARK ROOM
12.25 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 7HB FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BALDMONEY, SNEEZWORT, DODDER AND CLODBERRY: SUPERFRIENDS: "Too Hot To Handle"

- 6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 THAT'S INCREDIBLE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE POWERS OF MATTHEW STAR: "Endurance"
7.48 AZAN ISHA
7.53 THE POWERS OF MATTHEW STAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 POLO — Low Goal
9.05 LIPUTAN NASIONAL
10.25 INSIDE THE THIRD REIGH DOC: Rich World Poor World (Siri baru)
Satu siri tiga episod yang memaparkan problem kemiskinan, kelaparan dan bertambahnya penduduk dunia yang mengancam kehidupan manusia di bumi kita ini. Rancangan ini memaparkan kemiskinan, bencana alam, dan kemiskinan dengan kenyataan bahawa negara-negeri kaya kepada negara-negeri miskin tidak mungkin dapat menolong mereka.
11.15 SOAP
11.45 SIARAN TAMAT

HARI SELASA 8HB FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 LEGEND OF ROBIN HOOD
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA DOCUMENTARY: "What Price Coal?"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 NOVA DOCUMENTARY — sambongan

MALAM

